



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA
SUKU TAHUN KEEMPAT 2025**

Permintaan buruh Malaysia mencatatkan pertumbuhan tertinggi sejak ST1 2024, meningkat 1.8 peratus tahun ke tahun kepada 9.21 juta jawatan pada ST4 2025.

PUTRAJAYA, 12 FEBRUARI 2026 – Permintaan buruh Malaysia mencatatkan pertumbuhan tertinggi sejak ST1 2024, meningkat 1.8 peratus tahun ke tahun kepada 9.21 juta jawatan pada ST4 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam penerbitan **Statistik Guna Tenaga, Suku Tahun Keempat 2025** pada hari ini. Statistik yang diterbitkan dalam laporan adalah berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas syarikat perniagaan sektor swasta yang berdaftar. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator bilangan jawatan, jawatan diisi, kekosongan jawatan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Mengulas dapatan berkaitan sebaran hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Permintaan buruh Malaysia terus berkembang pada ST4 2025 dengan bilangan jawatan dilaporkan adalah 9.21 juta, meningkat 1.8 peratus tahun ke tahun (ST4 2024: 9.05 juta). Perkembangan ini didorong oleh sokongan fiskal yang komprehensif daripada kerajaan yang bertujuan untuk merangsang aktiviti ekonomi menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif dasar. Jawatan diisi menyumbang sebanyak 97.8 peratus daripada keseluruhan jawatan, manakala baki 2.2 peratus merupakan kekosongan jawatan. Selain itu, terdapat 32.1 ribu pewujudan jawatan baharu pada suku tahun ini."

Bilangan jawatan diisi telah meningkat secara konsisten kepada 9.02 juta, yang tertinggi direkodkan sepanjang siri, menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.8 peratus (ST4 2024: 8.86 juta). Semua sektor menyumbang kepada pertumbuhan positif ini, didahului oleh sektor Perkhidmatan pada kadar 2.6 peratus. Sektor ini juga mendominasi jawatan diisi, menyumbang 53.1 peratus atau 4.80 juta jawatan diisi, diikuti oleh sektor Pembuatan (26.9%: 2.42 juta) dan Pembinaan (13.9%, 1.25 juta). Mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir merupakan penyumbang terbesar dengan 62.3 peratus (5.62 juta) manakala kategori mahir dan berkemahiran rendah masing-masing mencatatkan 25.3 peratus (2.27 juta) dan 12.4 peratus (1.12 juta).

Menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai prestasi kekosongan jawatan, Ketua Perangkawan menyatakan bahawa ia meningkat sebanyak 2.4 peratus (+4.6 ribu) tahun ke tahun, menjadikan jumlah keseluruhan 198.1 ribu kekosongan (ST4 2024: 193.6 ribu). Melihat kepada komposisi mengikut aktiviti ekonomi, sektor Pembuatan merekodkan bilangan kekosongan tertinggi iaitu 115.8 ribu kekosongan (58.4%) terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (35.7 ribu) dan Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (20.5 ribu). Selain itu, sektor Pertanian dan Perkhidmatan masing-masing merekodkan 32.0 ribu (16.2%) dan 25.0 ribu (12.6%) kekosongan. Mengikut kategori kemahiran, lebih separuh daripada kekosongan jawatan adalah dalam kategori separuh mahir, mencatatkan 56.2 peratus (111.3 ribu). Manakala, kategori mahir dan berkemahiran rendah merangkumi peratusan selebihnya, masing-masing dengan 24.6 peratus (48.7 ribu) dan 19.2 peratus (38.2 ribu).

Mengulas mengenai prestasi pewujudan jawatan pula, sejumlah 32.1 ribu jawatan diwujudkan, dengan pertumbuhan 2.2 peratus tahun ke tahun (ST4 2024: 31.5 ribu). Perkembangan semasa pusat data di Malaysia bukan sahaja mengukuhkan sektor Pembinaan malah menyokong peralihan negara ke arah ekonomi buruh digital yang bernilai tinggi yang berpotensi menggalakkan pertumbuhan jawatan mahir baharu. Analisis mengikut aktiviti ekonomi menunjukkan sektor Perkhidmatan mendominasi dengan sejumlah 15.4 ribu jawatan baharu (47.9%) terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit dengan 9.3 ribu pewujudan jawatan. Pada masa yang sama, sektor Pembuatan dan Pembinaan masing-masing mencatatkan 12.1 ribu (37.7%) dan 3.1 ribu (9.6%) pewujudan jawatan baharu. Mengikut kategori kemahiran, majoriti jawatan diwujudkan adalah di kategori separuh mahir dengan 64.5 peratus (20.7 ribu), diikuti oleh kategori mahir dengan 25.1 peratus (8.1 ribu). Baki 10.4 peratus (3.4 ribu) adalah kategori berkemahiran rendah. Melihat kepada prestasi tahun 2025, jumlah keseluruhan pewujudan jawatan meningkat sebanyak 1.8 peratus kepada 129.6 ribu jawatan baharu, berbanding 127.2 ribu pada tahun 2024.

Merumuskan kenyataannya, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa Malaysia mengalami pertumbuhan pasaran buruh yang stabil pada suku tahun ini. Perkembangan ini disokong dengan peningkatan bilangan penduduk bekerja, seperti dilaporkan dalam Statistik Tenaga Buruh, Malaysia Suku Tahun Keempat 2025 yang meningkat 3.3 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan yang mampan dalam permintaan buruh negara menunjukkan pertumbuhan berterusan tenaga kerja, mewujudkan asas ke arah transformasi ekonomi Malaysia di bawah Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13). Rancangan ini menggariskan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, dipacu oleh inovasi dengan fokus utama terhadap pertumbuhan tenaga kerja yang mampan, pewujudan jawatan baharu serta peningkatan kemahiran digital dan hijau.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub ialah platform komprehensif yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi bagi menyediakan maklumat pasaran buruh yang relevan, tepat dan mudah diakses. Dapatkan data pasaran buruh Malaysia melalui MyLabourHub di <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.


Carta 1: Jawatan, Kadar Jawatan diisi dan Kadar Kekosongan, ST4 2022 - ST4 2025




Carta 2: Pewujudan Jawatan, ST4 2022 - ST4 2025



**Paparan 1: Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi, ST4 2025
(% Sumbangan)**



Paparan 2: Permintaan Buruh mengikut Kategori Kemahiran, ST4 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 FEBRUARI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**EMPLOYMENT STATISTICS, MALAYSIA
FOURTH QUARTER OF 2025**

Malaysia's labour demand recorded the highest growth since Q1 2024, increasing 1.8 per cent year-on-year to 9.21 million jobs in Q4 2025.

PUTRAJAYA, 12TH FEBRUARY 2026 – Malaysia's labour demand recorded the highest growth since Q1 2024, increasing 1.8 per cent year-on-year to 9.21 million jobs in Q4 2025, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Employment Statistics, Fourth Quarter 2025**. These statistics were published in a report derived from Employment Survey conducted among registered private sector businesses. It presents the labour demand statistics, encompassing the number of jobs, filled jobs, job vacancies and jobs created indicators by skills category and economic activity.

Explaining the findings of the release today, the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's labour demand continued to expand in Q4 2025 with the number of jobs reported was 9.21 million, up by 1.8 per cent year-on-year (Q4 2024: 9.05 million). This expansion was underpinned by comprehensive fiscal support from the government aimed at stimulating economic activity through policy initiatives. Filled jobs accounted for 97.8 per cent of total jobs, while vacancies made up the remaining 2.2 per cent. Meanwhile, there were a total of 32.1 thousand new jobs created during this quarter."

The number of filled jobs has consistently edged up to 9.02 million, the highest recorded in the series, marking a 1.8 per cent year-on-year growth (Q4 2024: 8.86 million). All sectors contributing positively to the overall growth, led by the Services sector at 2.6 per cent. This sector also dominated filled jobs, accounting for 53.1 per cent or 4.80 million filled jobs, followed by Manufacturing (26.9%: 2.42 million) and Construction (13.9%: 1.25 million) sectors. By skills category, semi-skilled category emerged as largest contributor with 62.3 per cent (5.62 million) while skilled and low-skilled categories followed with 25.3 per cent (2.27 million) and 12.4 per cent (1.12 million), respectively.

Further elaborating the performance of job vacancies, the Chief Statistician stated that they surged by 2.4 per cent (+4.6 thousand) year-on-year, totaling to 198.1 thousand vacancies (Q4 2024: 193.6 thousand). Looking at the composition by economic activity, Manufacturing sector held the highest number of vacancies available at 115.8 thousand (58.4%), primarily in the Electrical, electronic and optical products (35.7 thousand) and Petroleum, chemical, rubber and plastic products (20.5 thousand) sub-sectors. Additionally, Agriculture and Services sectors recorded 32.0 thousand (16.2%) and 25.0 thousand (12.6%) vacancies respectively. By skills category, over half of the job vacancies were in the by semi-skilled category, accounting for 56.2 per cent (111.3 thousand). Meanwhile, the skilled and low-skilled categories comprised the remaining shares at 24.6 per cent (48.7 thousand) and 19.2 per cent (38.2 thousand), respectively.

Highlighting the performance of jobs created, a total of 32.1 thousand jobs were created, indicating a 2.2 per rise cent year-on-year (Q4 2024: 31.5 thousand). Malaysia's ongoing expansion of data centers not only strengthens the construction sector but also supports the nation's transition toward a high-value digital labour economy, potentially encouraging the growth of new skilled jobs. Disaggregating the jobs created by economic activity, Services sector dominated with a total of 15.4 thousand new jobs (47.9%), mainly in the Wholesale and retail trade sub-sector with 9.3 thousand jobs created. Simultaneously, the Manufacturing and Construction sectors posted the creation of 12.1 thousand (37.7%) and 3.1 thousand (9.6%) new jobs respectively. By skills category, majority of jobs created were in the semi-skilled category at 64.5 per cent (20.7 thousand), followed by skilled category at 25.1 per cent (8.1 thousand). The remaining 10.4 per cent (3.4 thousand) were in the low-skilled category. Looking at the performance of 2025, total jobs created increased by 1.8 per cent to 129.6 thousand new jobs, up from 127.2 thousand in 2024.

Concluding his statement, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin stated that Malaysia experienced a steady labour market growth during this quarter. This development is further supported by the increasing number of employed persons, as reported in the Labour Force Statistics, Malaysia Fourth Quarter 2025 which rose by 3.3 per cent year-on-year. Sustained growth in the country's labour demand underscores continued a robust workforce growth, establishing a pathway towards Malaysia's economic transformation under the 13th Malaysia Plan (13MP). The plan outlines Malaysia's goal of becoming a high-income, innovation-driven nation, with key focus areas including sustainable workforce development, creation of new jobs, and enhancement of digital and green skills.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed **“Data Nadi Ekonomi Rakyat”**. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub is a comprehensive platform that integrates institutions, data and technology to deliver relevant, accurate and accessible labour market information. Access the labour market data for Malaysia at <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.

Chart 1: Jobs, Rate of Filled Jobs and Rate of Vacancies, Q4 2022 - Q4 2025




Chart 2: Jobs Created, Q4 2022 - Q4 2025




Exhibit 1: Labour Demand by Economic Activity, Q4 2025 (% Share)





Exhibit 2: Labour Demand by Skills Category, Q4 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 FEBRUARY 2026